

16 JAN 1998

SITI HASMAH SAMPAIKAN SUMBANGAN RAYA

ALOR SETAR, 16 Jan (Bernama) -- Presiden Bakti Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini menyampaikan sumbangan Hari Raya untuk penduduk-penduduk miskin daerah Kubang Pasu.

Beliau menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai, pakaian dan makanan kepada Pegawai Daerah Kubang Pasu Mohd Farouk Ibrahim untuk diagihkan kepada golongan itu.

Upacara itu berlangsung di Pondok Mahiran iaitu kediaman Perdana Menteri di Titi Gajah dekat sini.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bakti juga menyampaikan dermasiswa berjumlah RM12,000 kepada Mohd Farouk untuk disalurkan kepada 30 pelajar sekolah rendah dan menengah daerah Kubang Pasu. -- BERNAMA

MN JM PR